

PLURALITI ETNIK SABAH: ISU DAN CABARAN

Sharifah Darmia Binti Sharif Adam
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
E-mel: shdarmia@ums.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh pluraliti etnik Sabah. Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia dengan keluasan kira-kira 29,000 batu persegi (kira-kira 73,133 kilometer persegi). Sabah turut dikenali sebagai Negeri di Bawah Bayu merupakan sebuah negeri yang popular dengan keunikan pluraliti etniknya dan kaya dengan warisan budaya tradisi etnik. Penduduk Sabah terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek masing-masing. Menariknya, masyarakat pelbagai etnik di Sabah ini juga mempunyai budaya, adat resam, amalan kepercayaan dan agama berbeza antara satu sama lain yang menjadi lambang identiti sesuatu etnik. Namun, persoalan timbul mengenai isu dan cabaran yang dihadapi dalam usaha menyuburkan ikatan harmoni dalam pluraliti etnik di Sabah. Oleh itu, objektif perbincangan dalam kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti, mengemukakan dan menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi pelbagai etnik di Sabah khususnya di era modenisasi ini. Penulisan kertas kerja ini menggunakan kaedah pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan iaitu dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder, buku dan artikel untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang latar belakang sejarah pluraliti etnik Sabah berserta dengan isu dan cabaran yang dihadapi. Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa hasil pengenalpastian isu dan cabaran ini akan dapat memberikan manfaat dan panduan terhadap usaha untuk mengatasi masalah tersebut.

Kata kunci: adat resam, budaya, etnik Sabah dan pluraliti.

1. PENGENALAN

Sabah yang turut dikenali dengan nama 'Negeri di bawah bayu' dahulunya juga dipanggil sebagai Borneo Utara (North Borneo) bukan sahaja terkenal dengan keindahan alam semulajadi dan hidupan liarnya tetapi juga keunikan pluraliti etnik masyarakatnya. Sabah merupakan salah sebuah negeri yang terdapat dalam Malaysia sebagaimana dalam Perintah Malaysia, mulai 16 September 1963, Malaysia mengandungi negeri Pahang, Terengganu, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Selangor, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sabah dan Sarawak akan menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat (Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia, 1791-1965, 2013). Dari segi kedudukan geografi, negeri ini terletak di bahagian utara pulau Borneo dengan keluasan kira-kira 73,133 kilometer persegi (Ismail Yusoff, 1997). Bentuk muka buminya meliputi tanah tinggi yang dilitupi hutan dan tanah rata di sekitar kawasan pantai. Negeri ini dikelilingi oleh laut, di sebelah barat Laut China Selatan dan di utara ialah Laut Sulu sementara di bahagian timur adalah Laut Sulawesi (D.S. Ranjit Singh, 2003). Negeri Sabah terletak bersempadan dengan negeri Sarawak, negara Brunei serta Kalimantan, Indonesia.

Walaupun Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia, tetapi negeri ini tidak mempunyai bilangan penduduk yang ramai disebabkan oleh bentuk muka buminya (F.G. Whelan, 1970). Berhubung dengan pendudukan manusia terawal di Sabah, penyelidikan arkeologi yang dilakukan di Gua Madai dan Gua Baturong (Lahad Datu), Bukit Tengkorak (Semporna) Gua Tapadong (Segama) dan Lembah Tingkayu membuktikan bahawa sejarah pendudukan terawal manusia di Sabah dapat dijejaki hingga ke 28,000 tahun dahulu (Low Kok On, 2004). Walau bagaimanapun, belum ditemui bukti yang cukup kukuh untuk mengenal pasti siapakah manusia awal yang tinggal di gua-gua di

Sabah ini. Terdapat berbagai teori berhubung asal usul penduduk di Sabah, sebagai contohnya seperti etnik Kadazandusun dicatatkan berasal daripada rumpun Mongul yang dilihat melalui aspek fizikalnya berkulit kuning langsung, bersaiz kecil dan pendek (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 1, 1999). Manakala menurut Teori Migrasi Rakyat pula mengandaikan kira-kita 15,000 tahun dahulu nenek moyang orang Dusun mula berhijrah dari China Selatan ke Vietnam kemudian ke Filipina seterusnya ke Borneo (F.G. Whelan, 1970). Hari ini, Sabah menjadi kediaman pelbagai etnik bumiputera dan bukan bumiputera. Keharmonian hidup masyarakat Sabah seringkali menjadi contoh tauladan. Namun, sebagai sebuah negeri yang ada pluraliti etnik, tidak mudah untuk mencapai persepakan dan sudah tentu akan timbul isu serta cabaran yang dihadapi dalam usaha menyuburkan ikatan harmoni dalam pluraliti etnik di Sabah. Oleh itu, perbincangan penulisan ini akan difokuskan terhadap isu dan cabaran yang dihadapi dalam usaha menyuburkan ikatan harmoni dalam pluraliti etnik di Sabah.

2. METODOLOGI

Penulisan kertas kerja ini menggunakan kaedah pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan iaitu dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder, buku dan artikel untuk memperoleh sumber maklumat kajian.

LATAR BELAKANG PLURALITI ETNIK BORNEO

Di Sabah, umum mengetahui kerencaman penduduknya yang dipaparkan dengan jelas melalui pluraliti penduduknya yang mempunyai pelbagai budaya, adat resam, bahasa, agama dan kepercayaan yang berbeza (Sharifah Darmia Sharif Adam, 2022). Penulis barat misalnya, turut mengakui bahawa penduduk peribumi Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang berbeza antara satu sama lain akibat daripada perbezaan dialek, adat dan kegiatan ekonomi (Harrison, 1958; Appell, 1968). Kepelbagaian etnik di negeri Sabah dapat dilihat melalui penduduknya terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam tidak kurang 80 dialek (Mat Zin Mat Kib. 2005). Keadaan ini menjadikan Sabah sebagai sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai khazanah budaya etnik yang diwarisi secara turun temurun.

Antara etnik yang terdapat di Sabah adalah seperti Abai, Alumbai, Baukan, Begahak, Bajau, Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Dusun, Gana, Garo. Gonsomon, Idahan, Kadazan, Kalabakan, Kavananan, Kedayan, Kimaragang, Kolobuan, Kolod, Kwijau, Okolor, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Liba, Lundayo, Makiang, Malapi, Minokok, Naaboi, Nu, Paitan, Paluan, Pingas, Rumanau, Rungus, Selunagi, Sembakung, Serudung, Sinambu, Sinandapak, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sukpan, Sundayo, Tagalas, Tagalog, Tagol, Talantang, Tangara, Tatana, Tidung, Timugon, Tinagas, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhawan, Tutung, Brunei, Balingingi atau Balaguigui, Cocos, Cagayan, Suluk, Sungai, Iranun dan Murut (Mat Zin Mat Kib. 2016).

Secara umumnya, penduduk Sabah boleh dikelompokkan kepada tiga pecahan utama (Suraya Sintang. 2011) seperti berikut:

1. Kumpulan bumiputera Islam terdiri daripada etnik Melayu, Bajau, Brunei, Bugis Bisaya, Ida'an, Banjar, Tidong, Orang Sungai, Iranun, Kadayan, Suluk dan Cocos.
2. Kumpulan bumiputera bukan Islam terdiri daripada Kadazan, Dusun, Murut, Kwijau, Lotud Rungus, Tambonuo, Dumpas, Maragang, Paitan, Minokok, Rumanau, Mangka'ak dan lain-lain.

3. Kumpulan bukan bumiputera iaitu kumpulan etnik Cina.

Walaupun Sabah mempunyai masyarakat yang jelas bukan sahaja berbeza dari segi etnik tetapi juga amalan kepercayaan agama tetapi perkara ini tidak menjadi suatu halangan kepada mereka untuk hidup dalam suasana yang aman damai. Persamaan nilai yang terdapat dalam amalan budaya mewujudkan hubungan harmoni antara etnik yang terdapat di Sabah sekaligus memaparkan sikap toleransi yang tinggi dalam kalangan masyarakat di Sabah. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa masyarakat Sabah juga dikenali dengan keteguhan mengekalkan adat tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Malahan hingga kini, dapat dilihat bagaimana adat resam dan budaya etnik masih berakar umbi dan tumbuh subur dalam kehidupan seharian masyarakat di Sabah.

ISU DAN CABARAN MENYUBURKAN KEHARMONIAN ETNIK DI SABAH

Sungguhpun Sabah merupakan sebuah negeri yang sinonim dengan masyarakatnya yang pluraliti tetapi tetap wujud isu dan cabaran yang perlu dihadapi untuk mengekalkan keharmonian yang dikecapi. Dalam penulisan ini, terdapat beberapa isu dan cabaran utama yang akan diuraikan. Isu dan cabaran utama adalah berhubung usaha untuk mengukuhkan jalinan hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan budaya. Memandangkan Sabah terdiri daripada puluhan etnik dan subetnik yang begitu jelas mempunyai perbezaan dalam pelbagai hal maka perlunya usaha berterusan dilakukan oleh semua pihak untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Sikap saling hormat menghormati, bertolak ansur dan saling memahami perlu sentiasa disuburkan melalui pelbagai aktiviti seperti khidmat masyarakat, sukan, program hari kebudayaan dan sebagainya dengan penglibatan semua etnik. Selain itu, nilai-nilai murni dalam budaya etnik yang boleh dikongsi untuk manfaat bersama perlu didokumentasikan sebagai rujukan kepada generasi pada masa depan. Tindakan ini penting untuk memastikan amalan budaya yang menjadi lambang identiti etnik ini tidak lenyap ditelan zaman.

Seterusnya, isu dan cabaran daripada aspek ekonomi iaitu untuk memastikan tiada kelompok atau kumpulan etnik yang merasa terpinggir daripada arus pembangunan dan kemajuan di Sabah. Sabah negeri kedua terluas di Malaysia dan penduduknya tinggal di kawasan bandar dan luar bandar. Di kawasan bandar, pertumbuhan ekonomi dan pembinaan kemudahan infrastruktur awam berkembang dengan pesat. Dengan erti kata lain, penduduk di kawasan bandar mendapat taraf ekonomi dan taraf hidup yang lebih baik. Situasi ini berbeza dengan penduduk di kawasan luar bandar atau pedalaman yang masih dibelenggu dengan kemiskinan. Menurut data Kementerian Ekonomi, lapan daripada sepuluh daerah termiskin di Malaysia terletak di Sabah dengan Tongod menjadi daerah yang merekodkan kadar insiden kemiskinan tegar paling tinggi iaitu sebanyak 5.9 peratus. Ini diikuti Beluran (5 peratus), Pitas (4.8 peratus), Kinabatangan (4.6 peratus), Kota Marudu (4 peratus), Tuaran (2.6 peratus), Ranau (2.4 peratus) dan Lahad Datu (2.4 peratus) (Fadzli Ramli, 19 September 2024). Taraf ekonomi dan kemudahan infrastruktur yang terbatas menyebabkan penduduk yang tinggal di luar bandar akan terus terpinggir. Apa yang penting adalah kumpulan paling terkesan dengan kemiskinan ini adalah golongan bumiputera iaitu sebanyak 65 peratus daripada kumpulan ini masih tinggal di kawasan luar bandar Sabah (Fadzli Ramli, 19 September 2024). Perkara ini jika tidak ditangani segera boleh menimbulkan rasa iri hati yang mencetuskan ketegangan dan seterusnya merosakkan keharmonian masyarakat di Sabah.

Akhir sekali, usaha menjaga keharmonian hubungan antara agama yang berbeza juga menjadi isu dan cabaran dalam memastikan keharmonian serta perpaduan penduduk Sabah terus terjamin. Sedikit berbeza dengan penduduk di semenanjung Malaysia yang mempunyai penganut agama Islam, Buddha dan Hindu yang ramai. Di negeri Sabah penduduknya ramai yang menganut agama Islam,

Kristian dan segolongan kecil masih mengamalkan kepercayaan animisme. Meskipun Sabah dikenali sebagai contoh keharmonian beragama tetapi situasi ini sebenarnya memerlukan usaha yang berterusan. Penularan ideologi yang berunsurkan ekstrem khususnya dalam media elektronik dan internet perlu dikekang supaya tidak menyerap masuk ke dalam pemikiran dan cara hidup masyarakat di Sabah. Hal ini kerana penglibatan masyarakat dalam kumpulan yang ekstrem akan mengugat keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai agama di negeri ini. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perlu digunakan secara beretika dengan menyebarkan maklumat yang positif dan tidak menyentuh sensitiviti agama yang boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati. Sikap seperti bersederhana, menghormati perbezaan kepercayaan dan amalan agama perlu ditanamkan dalam diri setiap individu. Perkara ini penting untuk mengelakkan berlakunya konflik agama dalam kalangan penduduk di negeri Sabah ini.

3. KESIMPULAN

Kepelbagaian etnik yang ada di Sabah bukan saja satu keistimewaan tetapi juga kebanggaan dan lambang identiti masyarakatnya. Namun dalam masa yang sama, fenomena pluraliti yang ada dalam kalangan Masyarakat Sabah ini juga menimbulkan isu dan cabaran khususnya dalam mengukuhkan perpaduan etnik di negeri tersebut. Pluraliti etnik yang menonjolkan perbezaan tidak seharusnya dijadikan halangan untuk membina kehidupan Bersama yang harmoni. Sebaliknya, pelbagai kebudayaan yang berbeza ini perlu dihargai dan mencari titik persamaan yang boleh dikongsikan untuk manfaat Bersama. Sebagai rakyat atau warganegara Malaysia, adalah penting berfikir terbuka dan menerima keunikan pluraliti etnik yang ada di Sabah. Mengenali, memahami dan berfikir positif terhadap pluraliti etnik dapat mengelakkan sebarang prasangka buruk yang akhinya boleh mencetuskan konflik. Dengan pemahaman terhadap isu dan cabaran yang dihadapi oleh pluraliti etnik di Sabah akan membolehkan perancangan kaedah bagi mengelak berlakunya konflik berbilang etnik, budaya dan agama seterusnya berupaya mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat Sabah.

4. RUJUKAN

- Appell, G.N. 1968. A Survey of Social and Medical Anthropology of Sabah: Retrospect and Prospect, *Behavior Science Notes*. 3(1).
- D.S. Ranjit Singh. 2003. *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Second Edition. Kuala Lumpur: University of Malays Press.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Jilid 1. 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadzli Ramli. 19 September 2024. Mendalami Isu Kemiskinan Luar Bandar, Pedalaman Sabah. <https://www.bernama.com/bm/bfokus/news.php?sosial&id=2364926>
- Harrison, T., 1958. "Some Origins and Attitudes of Brunei Tuong- Belait-Bukit Dusun North Borneo Dusun and Sarawak Bisaya Meeting with Other Peoples", dalam *Sarawak Museum Journal*, 8 (2).
- Ismail Yusoff. 1997. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Low Kok On. 2004. Asal Usul Orang Kadazandusun: Satu Pertimbangan Semula Daripada Sumber Lisan, dalam Mohd Sarim Hj. Mustajab (Editor). *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mat Zin Mat Kib. 2016. 'Kumpulan Etnik Dusun dan Kadazan di Sabah daripada Perspektif Banci Penduduk: Satu Tinjauan Awal, dalam Mat Zin Mat Kib, Christina Andin dan Ismail Ali (Penyunting). *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

- Mat Zin Mat Kib. 2005. Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan, dalam Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (Editor), Warisan Seni Etnik Sabah. Kota Kinabalu: Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sabah.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia, 1791-1965*. 2013. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. 2022. Pluraliti Etnik Borneo dalam Halina Sandera Mohd. Yakin, Rosmah Derak dan Abdul Hair Beddu Asis (Penyunting). Pengajian Liberal dan Kelangsungannya dalam Landskap Pendidikan Negara. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Suraya Sintang. 2011. 'Keharmonian Hidup Bersama dalam Kepelbagaian Agama di Sabah', dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Tambring, *Pluraliti dalam Kearifan Lokal di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Whelan, F.G. 1970. *The Story of Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.